MALI - BANTUAN
OLEH AHMAD REJAL ARBEE
(I) 1984

BAMAKO, (MALI) 17 DIS. (BERNAMA) --- MALI YAKXN BANTUAN MALAYSIA DALAH BEBERAPA PROJEK DIBAWAH PROGRAM' KERJASAMA TEKNIKAL AKAN MENOLONG MENINGKATKAN PEMBANGUNAN PERTANIANNYA.

MENTERI PERTANIAN MALI, ENCIK SAGNAHA KONE MEMBERITAHU BERNAMA DAN RTM BANYAK KEGIATAN DILAKSANAKAN DIBAWAH PROGRAM TERSEBUT.

--- KA-TANYA, MALI' MENYAMBUT BAIK BANTUAN INI KERANA TEKNOLOGI MALAYSIA MURAH DAN MUDAH 5ILAKSANAKAN.

RUNDINGAN PERINGKAT RASMI TELAH BERJALAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN BERNAMA DIFAHAMKAN SATU SURUHANJAYA BERSAMA AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI UNTUK MELAKSANAKAN KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL.

SURUHANJAYA TERSEBUT AKAN MENUBUHKAN KUMPULAN-KUMPULAN KERJA UNTUK MENGENDALIKAN PERKARA-PERKARA TERTENYU. -- LAGI.

1100MST 17 12 84

D689
R 6749 AAB
MALI - BANTUAN 2 BAMAKO
(I)

BERNAMA DIBERITAHU BAHAWA PERKARA INI TELAH DIPERSETUJUI DAN PERJANJIAN MENGENAINYA DIJANGKA DITANDATANGANI OLEH MENTERI LUAR NEGARA MASING-MASING SEBELUM DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGALKAN MALI ESOK QELEPAS MELAKUKAN LAWATAN RASMI EMPAT HART.

MALAYSIA SEJAK TAHUN 1982 TELAH MEMBERS BANTUAN TEKNIKAL KEPADA MALI DAN SEHINGGA INI DX BIDANG PERTANXAN SAHAJA, MALAYSIA TELAH MENAWARKAN BANTUAN BERNXLAI LEBIH $4 JUTA.

DIANTARA PROGRAM BANTUAN TEKNIKAL ITU IALAH LATIHAN UNTUK PEGAWAI-PEGAWAT PERTANIAN, JURUTERA DAN JURUTEKNIK PARIT DAN TALIAIR, PERKHXDMATAN PENGEMBANGAN KEJENTERAAN LADANG DAN KELENGKAPAN PERTANIAN SERTA PENUBUHAN SEBUAH KLINIK HAIWAN BERHARGA KIRA-KIRA $1 JUTA.

LAIN-LAIN BANTUAN TERMASUK MEMBERI KELENGKAPAN MENCARI SUMBER AIR BAWAH TANAH DAN JUGA KELENGKAPAN ELEKTRONSK PENGUMPULAN BERITA BERNILAI KIRA-KIRA $250,000.

BANTUAN INI DIBERI DISAMPING BANTUAN BERAS SEBANYAK 10,000 METRIK TAN YANG DIBERIKAN DALAM TAHUN 1982 DAN 10,000 METRIK TAN LAGI YANG DIBERIKAN AWAL TAHUN INI UNTUK MEMBANTU MALX YANG MENGHADAPI KEMARAU.

BAHAGIAN UTARA MALI YANG BERSEMPADANKAN PADANG PASIR SAHARA MENGALAMI KEMARAU TERUK, SAMA SEPERTI DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG BERSEMPADANKAN PADANG PASIR ITU KERANA KELUASAN PADANG PASIR TELAH MEREBAK KE KAWASAN TANAMAN.

BEBERAPA JENIS TANAMAN TIDAK MENJADI LAGS TAHUN INI KERANA KEMARAU YANG BERLAKU ANTARA MEI HINGGA JULAI. -- BERNAMA.

1106MST 17 12 84